

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Hm M/s 3 3/3/2025 (ISNIN)

SCA penyakit genetik jarang jumpa

Kuala Lumpur: Penyakit Spinocerebellar Ataxia (SCA) berkaitan kerosakan saraf otak adalah penyakit genetik jarang jumpa di Malaysia dengan anggaran 500 hingga 600 pesakit di seluruh negara.

Walaupun begitu, impaknya amat besar terhadap pesakit dan keluarga.

Profesor dan Pakar Perunding Kanan Neurologi, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM, Prof Datin Dr Norlinah Mohamed Ibrahim, SCA boleh diwarisi secara autosomal dominan di mana setiap anak mempunyai peluang 50 peratus untuk mewarisi jika salah seorang ibu atau bapa menghidapnya.

"Simptom awal biasanya melibatkan ketidakseimbangan badan, ucapan tidak jelas dan pergerakan terganggu."

"Pesakit juga boleh mengalami masalah penglihatan seperti penglihatan berganda serta koordinasi tangan yang lemah," katanya kepada Harian Metro.

Dr Norlinah berkata, terdapat lebih 50 jenis SCA dan SCA3 adalah yang paling lazim di Malaysia dan dunia di mana ia bukan sahaja menjejaskan keseimbangan, tetapi juga menyebabkan otot menjadi tegang, masalah pergerakan mata dan kesukaran menelan.

Menurutnya, penyakit ini lazimnya muncul selepas usia 22 tahun, namun terdapat kes kanak-kanak seawal usia enam tahun sudah menunjukkan simptom.

"Untuk diagnosis, ujian seperti MRI dan ujian genetik dilakukan bagi mengesahkan jenis SCA serta mengenal pasti pola pewarisan genetik dalam keluarga.

"Namun, ujian genetik biasanya hanya dijalankan jika terdapat simptom jelas atau atas permintaan individu dewasa yang ingin merancang masa depan mereka.

"Rawatan yang ada saat ini adalah untuk mengawal simptom sahaja, seperti ubat bagi membantu keseimbangan dan mengurangkan kekakuan otot. Malangnya, tiada ubat yang dapat menyembuhkan penyakit ini atau memperbaiki mutasi genetik," katanya.



"Simptom awal biasanya melibatkan ketidakseimbangan badan, ucapan tidak jelas dan pergerakan terganggu"

Dr Norlinah

Beliau juga menegaskan pentingnya kesedaran orang ramai mengenai penyakit ini kerana ia boleh menjejaskan beberapa ahli keluarga dalam satu masa menyebabkan beban penjagaan yang berat.

"Ada kes di mana seorang adik menjaga abangnya yang sakit, tetapi tidak lama kemudian dia sendiri menghidap penyakit yang sama," katanya.

Dr Norlinah berkata, kesedaran dan ujian genetik awal dapat membantu individu dan keluarga merancang kehidupan dengan lebih baik termasuk membuat keputusan tentang perkahwinan dan kehamilan.

"Walaupun ubat-ubatan untuk merawat penyakit ini wujud, ia tidak memberikan keberkesanan signifikan menurut pakar neurologi tempatan.

"Pilihan ubat yang ada seperti Riluzole memberikan kesan kecil dalam membantu pesakit mengawal keseimbangan badan.

"Sementara itu, kajian terhadap ubat seperti Trehalose masih menunjukkan hasil bercampur, terutama apabila diuji ke atas manusia," katanya.

Menurutnya, selain ubat-ubatan, pesakit selalunya akan dirujuk kepada pakar rehabilitasi neurologi bagi menjalani program intensif termasuk rawatan serta latihan harian di rumah di mana terbukti membantu mengekalkan fungsi badan mereka lebih lama.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : FORUM

UTUSAN MALAYSIA M/528 FORUM 3/3/2025 (ISNIN)

Apa masa depan pendidikan kejururawatan?

SATU kajian penting yang diketuai oleh penyelidik dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Shandong Xiehe, China, telah membuktikan bahawa pembelajaran hibrid (BL) mampu membawa perubahan besar dalam pendidikan kejururawatan. Kajian ini mendapati bahawa BL meningkatkan prestasi akademik, kemahiran praktikal, motivasi pelajar, kemahiran pengurusan sendiri, dan kesejahteraan mental.

Malaysia berpeluang untuk mengadaptasi kaedah pembelajaran hibrid bagi memastikan jururawat masa depan lebih bersedia dan kompeten dalam dunia kesihatan yang semakin mencabar.

Pendekatan ini memberi fleksibiliti kepada pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran dalam talian, berlatih dengan simulasi maya, dan mengaplikasikan pengetahuan dalam sesi praktikal.

Kajian ini mengenal pasti lima manfaat utama pembelajaran hibrid dalam pendidikan kejururawatan:

Tingkat prestasi akademik dan pembangunan kemahiran

Pelajar yang mengikuti kaedah BL menunjukkan peningkatan dalam pemahaman teori dan kemahiran klinikal berbanding kaedah tradisional.

Penggunaan alat pembelajaran digital, seperti simulasi pesakit maya, membantu pelajar dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah klinikal.

Tingkat penglibatan dan motivasi pelajar

Persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif meningkatkan penglibatan pelajar dalam perbincangan dan tugasan.

Aktiviti pembelajaran berasaskan kajian kes dan maklum balas masa nyata menggalakkan pembelajaran yang lebih mendalam.

Perkukuh pengurusan sendiri dan kemahiran pembelajaran bebas

Pembelajaran secara fleksibel membolehkan pelajar mengurus masa mereka dengan lebih baik dan mengukuhkan disiplin sendiri.

Tingkat kesejahteraan psikologi dan emosi

Kajian mendapati BL mengurangkan tekanan akademik dan kebimbangan, kerana pelajar mempunyai lebih kawalan terhadap

proses pembelajaran mereka.

Interaksi dalam talian dengan rakan sekelas dan pensyarah membantu meningkatkan sokongan emosi dan kesejahteraan mental.

Pengalaman pembelajaran yang lebih memuaskan

Pelajar kejururawatan melaporkan kepuasan yang lebih tinggi terhadap kaedah BL kerana fleksibilitinya, akses mudah kepada sumber pembelajaran, dan unsur interaktif yang lebih menarik.

Peluang Malaysia teraju Pendidikan Kejururawatan Digital

Jururawat masa depan perlu lebih daripada sekadar ilmu teori, mereka perlu mahir dalam aplikasi praktikal dan beradaptasi dengan teknologi kesihatan moden. Pembelajaran hibrid adalah jawapan kepada cabaran ini.


Kajian ini mengesyorkan supaya institusi pendidikan dan pembuat dasar di Malaysia melabur dalam infrastruktur pembelajaran digital, latihan pensyarah, serta penggunaan teknologi simulasi interaktif bagi memperkukuhkan keberkesanan pendidikan kejururawatan.

Beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia telah mula meneroka kaedah pembelajaran hibrid, namun langkah lebih proaktif perlu diambil bagi memastikan sistem ini diterapkan secara menyeluruh di semua program kejururawatan negara.

Walaupun kajian ini mengesahkan keberkesanan pembelajaran hibrid, ia juga menyoroti beberapa aspek yang memerlukan kajian lanjut, terutamanya kesan jangka panjang terhadap pemikiran kritikal dan keupayaan membuat keputusan klinikal.

Dengan perkembangan pantas dalam sektor kesihatan dan pendidikan, persoalan utama yang perlu dijawab adalah bagaimana institusi pengajian tinggi di Malaysia boleh mempercepatkan pelaksanaan pembelajaran hibrid bagi memastikan generasi jururawat akan datang dilengkapi dengan pendidikan yang terbaik.

**PROFESOR MADYA
DR. ARUMUGAM RAMAN**
Universiti Utara Malaysia (UUM)



MALAYSIA berpeluang untuk mengadaptasi kaedah pembelajaran hibrid bagi memastikan jururawat masa depan lebih bersedia dan kompeten dalam dunia kesihatan yang semakin mencabar.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : OPINION

THE STAR MISI4 YOUR OPINION 3/3/2025 (ISNIN)

Breastfeeding can protect against some types of cancers

THE exclusivity, frequency and duration of breastfeeding all affect the processes that support the mother's breast health while boosting the infant's nutrition and immunity. Exclusive breastfeeding for the first six months, and continued breastfeeding after that period, optimise benefits for the breastfeeding pair. However, breastfeeding rates among urban Malaysian mothers are below World Health Organisation targets (*Asia Pacific Journal of Public Health*, 2024).

Numerous studies support the fact that exclusive breastfeeding should be promoted for its natural cancer prevention in the mother and child. For maternal breast cancers, this may be even more important, especially if there's a family history of cancer. A 2022 study in *Cancer*

Medicine found that breastfeeding reduces the risk of breast cancer by 4.3% for every 12 months of breastfeeding. Breast-feeding reduces the risk of a subtype of breast cancer (triple negative breast cancer) by 20% and in carriers of the genetic mutation known as the BRCA1 mutation, by 22% to 50%.

It is not by serendipity that breastfeeding protects against breast cancer.

Various reviews on this topic (*Medical Science Monitor*, 2024; *Medicine [Baltimore]*, 2024) highlight networks of structural, hormonal and cellular links that are activated to shield the breastfeeding mother from some types of breast cancers.

Practically, this is how I interpret these strategies working in the nursing mother: In pregnan-

cy, the breast tissue is quite different when compared with before pregnancy, acquiring protective features from some types of cancerous changes. Lactation further alters these grape-like structures and ducts for greater resilience against cancer risk.

A mother's natural hormonal surges encourage milk production and delay ovulation, reducing her exposure to oestrogen. The longer she breastfeeds, the lesser is her exposure to estrogen and its cancer-related effects.

Protection is strengthened by the orchestra of hormonal events, lactational reduction of ovarian hormonal activity, the mother's insulin profile, and oxytocin, which is essential for social bonding.

Through the baby's constant intake of milk, the breasts are

regularly emptied, allowing them to refill with milk. These processes promote the removal of damaged cells from the breast tissue, which could otherwise remain and potentially lead to cancer.

Breast milk has numerous components that develop and fortify a baby's immune system. Components like Human Alpha-Lactalbumin Made Lethal to Tumour Cells can precisely attack cancerous cells.

The act of breastfeeding may also affect the mother's inflammatory response and immune system, and in those ways lower her chances of developing breast cancer (*Medicine [Baltimore]*, 2024).

Genetic factors might increase our vulnerability to breast cancer, but breastfeeding has the potential to influence gene

expression without altering the DNA sequence, thus lowering the risk of breast cancer. We may better understand this impact by comparison with behaviours like consistent physical activity and healthy eating habits that can lower the risk of heart diseases or high blood pressure, even when there is a family history that predisposes us to these conditions.

Exclusive and continued breastfeeding provide a safe, comprehensive, and natural form of immunotherapy with significant health advantages for both mother and child.

**DR PRAMEELA
KANNAN KUTTY**
Professor of Paediatrics
International Medical School
Management and
Science University